

FBS Kukuhkan Hubungan Dengan Rakaniaga IB Dalam Pertemuan Khas Di Singapura

SINGAPORE, August 22, 2023

/EINPresswire.com/ -- FBS, platform perdagangan dalam talian yang terkemuka, telah menghimpunkan Rakaniaga Introducing Brokers (IB) utamanya dari Asia Tenggara untuk satu pertemuan mesra di Singapura. Bertujuan untuk membina hubungan yang lebih kukuh antara jenama tersebut dan pelanggan setianya, pertemuan itu berlangsung seiring dengan perlawanan pramusim antara Leicester City dan Liverpool.

Sebagai Sekutu Rasmi Kelab dan Penaja Rasmi Pakaian Latihan Leicester City Football Club untuk musim 2023/2024, FBS menjemput rakaniaga IB yang sudah lama bersetia dengan mereka untuk menikmati perlawanan pramusim bersama-sama dan mengakrabbkan lagi

hubungan dengan jenama FBS. Perlawanan antara Leicester City dan Liverpool menjadi titik permulaan yang menggembirakan pada perhimpunan tersebut, membabitkan suasana yang amat positif antara para perwakilan FBS dan Rakaniaga pada pertemuan makan malam dan makan tengah hari setelah itu.

"Dapat bersua wajah dengan Rakaniaga kami dan bersorak untuk LCFC semasa perlawanan itu, itu sesuatu yang amat menyeronokkan bagi kami," kata Shamil Amirkhanov, Pengurus Pembangunan Perniagaan untuk FBS Thailand. "Kami bukan sahaja berjaya membincangkan penambahbaikan dalam Program IB FBS dan [Sistem Pembayaran Komisen Rakaniaga](#) kami yang baharu, tetapi kami juga berpeluang untuk menzahirkan rasa terima kasih kami kepada para rakaniaga terbesar kami atas kesetiaan dan sokongan mereka kepada jenama FBS. Kami berharap dapat terus memupuk hubungan ini dan membina komuniti perdagangan yang sihat bersama-sama."

FBS komited untuk menyediakan servis kewangan yang telus dan lancar serta memenuhi keperluan rakaniaga dan pelanggannya untuk mengekalkan hubungan jangka panjang yang ada.



Dengan menganjurkan pertemuan seumpama ini, FBS membuktikan kesungguhannya untuk menjadikan kerjasama dengan jenama tersebut andal dan menyenangkan bagi para pedagang.

Tentang FBS

FBS adalah sebuah broker antarabangsa yang berlesen dengan lebih 14 tahun pengalaman dan lebih 75 anugerah antarabangsa. FBS semakin berkembang sebagai salah satu broker yang paling diyakini di pasaran, dengan lebih 27 000 000 pedagang dan lebih 500 000 rakaniaga di seluruh dunia. Volum urusan tahunan pelanggan FBS melepasi angka \$8.9 trilion setahun. Selain dari itu, FBS adalah Sekutu Rasmi Kelab Leicester City.

Pejabat Akhbar

FBS

press@fbs.com

Visit us on social media:

[Facebook](#)

[Instagram](#)

[YouTube](#)

This press release can be viewed online at: <https://www.einpresswire.com/article/651334305>

EIN Presswire's priority is source transparency. We do not allow opaque clients, and our editors try to be careful about weeding out false and misleading content. As a user, if you see something we have missed, please do bring it to our attention. Your help is welcome. EIN Presswire, Everyone's Internet News Presswire™, tries to define some of the boundaries that are reasonable in today's world. Please see our Editorial Guidelines for more information.

© 1995-2023 Newsmatics Inc. All Right Reserved.